

19 JAN 1996

Canada-lawatan/rangkuman

CANADA MAHU BANTU M'SIA CAPAI STATUS NEGARA MAJU

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Kehadiran kira-kira 300 ahli perniagaan dalam rombongan Perdana Menteri Canada Jean Chretien ke negara ini menekankan peningkatan kerjasama ekonomi antara Canada dan Malaysia.

Selain rombongan ahli perniagaan, "Team Canada", misi perdagangan yang diketuai Chretien, juga termasuk enam ketua wilayah.

"Lawatan yang penting ini ke Malaysia menandakan berakhirnya satu lagi misi berjaya oleh Team Canada... misi ini telah melebihi sasaran kami," katanya.

Ketika mereka mengakhiri misi perdagangan selama 12 hari ke empat negara di Asia Tenggara dan Asia Selatan, Chretien hari ini menyaksikan majlis menandatangani 43 perjanjian perniagaan antara syarikat-syarikat dan institut pengajian tinggi Malaysia dan Canada bernilai C\$445.3 juta (kira-kira RM820 juta).

Chretien, yang tiba semalam untuk lawatan rasmi dua hari atas undangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Canada ingin memperluaskan perkongsiannya dalam pembangunan berterusan, dalam perniagaan, tenaga manusia dan teknologi untuk membantu Malaysia mencapai wawasannya menjadi sebuah negara maju pada 2020.

Katanya perdagangan antara kedua-dua negara terus berkembang pada kadar 30 peratus setahun sejak kebelakangan ini dan perdagangan dua hala pada tahun lepas dijangka melebihi RM3,700 juta (C\$2,000 juta).

Perdagangan dua hala mencecah RM1,850 juta (C\$1,000 juta) bagi kali pertama pada 1993 dan angka itu meningkat kepada RM2,800 juta (C\$1,500 juta) pada tahun berikutnya.

Chretien, yang berlepas pulang malam ini, berkata: "Kami mahu mengekalkan pertumbuhan perdagangan dan meningkatkan usaha yang telah kami wujudkan."

Antara pembabitan utama Canada ialah dalam pembangunan infrastruktur sistem Transit Aliran Ringan di ibu negara membabitkan teknologi dan kepakaran daripada Bombardier/SNC-Lavalin Consortium.

Dalam ucapannya pada Dialog Pemimpin Perniagaan Malaysia-Canada, Dr Mahathir berkata misi perdagangan itu adalah yang terbesar oleh sebuah negara yang telah melawat Malaysia, menunjukkan kesungguhan negara itu untuk membabitkan diri dengan lebih aktif di sini.

Beliau berkata Malaysia memerlukan bantuan dari Canada dalam bentuk teknologi, pelaburan dan kemahiran dalam usahanya menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020. -- BERNAMA